

27 MAY 2002

Nik Aziz-Pope

NIK AZIZ SAMBUT BAIK PERTEMUAN DR MAHATHIR DAN POPE

KOTA BAHARU, 27 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyambut baik pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin tertinggi katolik Pope John Paul II di Vatican bulan depan.

Langkah itu wajar dialu-alukan kerana pertemuan itu membolehkan pemimpin agama Kristian itu mendengar penjelasan mengenai pendirian Islam dan Malaysia berhubung keganasan yang berlaku di Afghanistan dan Palestin.

"Memanglah kewajiban Islam penuhi jemputan bukan Islam bagi perkenalkan Islam," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Menurut beliau melalui pertemuan itu Perdana Menteri boleh memperkenalkan agama Islam sebagai agama suci yang menentang keganasan dan sewajarnya dunia memberi keadilan kepada masyarakat Islam.

Dr Mahathir dijangka bertemu Pope John Paul II di Vatican City bulan depan sempena lawatan beliau ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

Nik Aziz berkata penganut Kristian sewajarnya bertolak ansur seperti dalam ajaran Nabi Isa malahan Islam dan Kristian sendiri menentang keganasan.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS berkata pertemuan dengan pemimpin agama lain tidak salah kerana beliau sendiri sebagai pemimpin Kelantan telah mengunjungi kuil Buddha di negeri itu sebanyak dua kali bagi membuktikan pemerintahan Islam tidak zalim atau penuh dengan paksaan hingga menindas agama lain.

-- BERNAMA

RAR PR